

## Keberanian Masyarakat Melayu dalam Cerpen Remaja Pasca 13 Mei: Perbandingan Nazel Hashim dan Ismail Sarbini

*Malay Community's Courage in Post-13 May Adolescent Literature:  
A Comparison of Nazel Hashim and Ismail Sarbini*

ZUL FADLI MOHD KAMAL\* & MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH

### ABSTRAK

Sewaktu tragedi rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 yang merosakkan perpaduan rakyat, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Rukun Negara untuk memulihkannya. Bagi memastikan setiap lapisan masyarakat terutamanya golongan muda (remaja) memahami prinsip ini, pelbagai kaedah pembelajaran telah dilaksanakan. Antaranya adalah melalui penulisan karya kreatif seperti cerpen. Pada masa itu, para penulis telah berusaha keras menyediakan pelbagai bahan bacaan untuk dihayati oleh remaja, termasuk dua penulis iaitu Nazel Hashim dan Ismail Sarbini. Nazel Hashim dan Ismail Sarbini merupakan antara penulis cerpen remaja yang paling kerap mengangkat nilai keberanian dalam tema kemasyarakatan. Tema kemasyarakatan dianggap mampu membawa nilai-nilai murni tentang orang Melayu, khususnya nilai keberanian dalam mengangkat martabat diri dan bangsa. Oleh itu, Kajian ini bertujuan mengkaji nilai keberanian menerusi tema kemasyarakatan dalam cerpen mereka serta pendekatan kepengarangan masing-masing. Kajian menggunakan analisis kualitatif terhadap empat cerpen terpilih sahaja dan mendapati kedua-dua penulis menekankan nilai keberanian dengan gaya penyampaian cerita yang berbeza. Hasil kajian menunjukkan kedua-dua penulis menekankan nilai keberanian, mereka mempunyai perbezaan ketara dalam pendekatan penyampaian nilai tersebut. Nazel Hashim memilih gaya penceritaan yang lebih terus dan dramatik, menampilkan watak-watak yang berada dalam situasi yang menggambarkan keberanian fizikal dan moral secara jelas. Sebaliknya, Ismail Sarbini lebih cenderung kepada pendekatan yang lebih halus dan introspektif, dengan penekanan pada perkembangan psikologi watak serta konflik dalaman yang dihadapi oleh mereka. Dalam konteks situasi semasa, implikasi kajian ini sangat relevan kerana ia boleh memberikan inspirasi kepada remaja pelbagai kaum dalam membina sahsiah diri berasaskan nilai keberanian dan perpaduan, terutama dalam dunia yang semakin kompleks dan mencabar.

*Kata Kunci:* Dunia remaja; keberanian; pendidikan; kepengarangan; tema kemasyarakatan

### ABSTRACT

During the racial riots on 13 May 1969, which severely affected national unity, the Malaysian government introduced the Rukun Negara as a means of restoring harmony. To help the younger generation understand these principles, creative writing, particularly short stories, was utilized. Two key authors, Nazel Hashim and Ismail Sarbini, emphasized the theme of courage, illustrating its importance in addressing social issues and fostering noble values among Malaysians. This study explores how courage is portrayed in the short stories of Hashim and Sarbini, focusing on their different narrative styles. A qualitative analysis of four selected stories shows that while both authors highlight courage, they do so in distinct ways. Nazel Hashim adopts a direct and dramatic style, depicting characters in situations that exemplify physical and moral courage. Conversely, Ismail Sarbini takes a more subtle and introspective approach, concentrating on characters' psychological development and internal struggles. The varying social contexts in which they wrote also influence their themes. Hashim's work, emerging in a politically turbulent era, often addresses social and political issues, whereas Sarbini's stories, set in a more stable climate, focus on personal growth and moral integrity. This study is particularly relevant today, as it can inspire young people from diverse backgrounds to cultivate courage and unity amid the complexities of modern life.

*Keyword:* Adolescent world; courage; education; authorship; social themes

## PENGENALAN

Keberanian merupakan satu bentuk sifat yang sudah lama terpahat di dalam diri orang Melayu. Sebelum negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, rakyat di tanah air sudah lama berjuang menentang para penjajah seperti Portugis, Inggeris, Belanda dan Jepun (Mohamad Redzuan Othman 2018). Tidak ada satu pun rakyat di tanah air ini gentar menghadapi para penjajah. Setelah 66 tahun merdeka, rakyat yang terdiri daripada berbilang bangsa, agama dan budaya telah sama-sama berdiri teguh membina negara ke arah yang lebih maju. Kehidupan berbilang bangsa ini mula bertapak di dalam negara semenjak pemerintah Inggeris lagi tetapi diteruskan sehinggalah negara mencapai kemerdekaan. Keistimewaan inilah menjadikan Malaysia sebagai salah satu negara yang di diami pelbagai bangsa hidup aman dan harmoni di bawah satu bumbung (Nur Ayuni Nusaibah Husin & Amir Hasan Dawi 2019). Kemakmuran negara ini diperkukuh dengan kejayaan penciptaan keharmonian di kalangan komuniti Melayu, Cina, India, serta pelbagai suku kaum di Sabah dan Sarawak. Kebersamaan adalah satu elemen yang sangat penting untuk menyatukan seluruh rakyat dalam negara. Kebersamaan ini awalnya terbentuk dengan baik sehingga timbulnya satu kejadian yang melibatkan sentimen perkauman di negara ini. Persengketaan besar antara komuniti Melayu dan Cina telah menyebabkan berlakunya peristiwa berdarah yang lebih dikenali sebagai 13 Mei 1969 akibat ketidakpuasan hati semasa pilihan raya umum pada tahun tersebut. Akibat daripada peristiwa tersebut, banyak yang tidak bersalah mengalami penderitaan dan jumlah korban terlalu tinggi, mengancam keselamatan negara. Keharmonian yang telah dibina awalnya musnah dengan cepat akibat ketidakfahaman antara dua komuniti tersebut. Keamanan negara pada masa itu tercabar, menyebabkan rakyat hidup dalam ketakutan dan saling benci. Bagi memastikan keadaan kembali normal, kerajaan telah mengambil langkah-langkah dan dua bulan selepas kejadian itu, berjaya menggubal satu ideologi kebangsaan yang lebih dikenali sebagai Rukun Negara. Mohamed Mustafa Ishak (2014), menjelaskan ideologi ini menjadi asas politik baru untuk mengatasi ketidakpuasan di kalangan etnik dalam masyarakat.

Pada dasarnya pembinaan negara bangsa Malaysia lebih tertumpu kepada aspek politik, yang dilaksanakan melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebagai respons terhadap Peristiwa 13 Mei 1969. Usaha membangun negara bangsa ini berlanjutan dalam tahun-tahun berikutnya untuk memelihara perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Pelancaran Wawasan 2020 oleh Tun Dr. Mahathir Mohamed pada tahun 1991 menekankan matlamat yang lebih jelas ke arah keperluan membangunkan satu bangsa Malaysia yang teguh. Pembinaan negara bangsa Malaysia berdasarkan kepada identiti sendiri dilaksanakan melalui pelbagai saluran, dengan pendidikan menjadi saluran penting. Pendidikan memegang peranan penting dalam membentuk perpaduan masyarakat, terutamanya di kalangan kanak-kanak dan remaja yang pada masa itu masih muda dan terbuka kepada pelbagai ideologi. Oleh itu, dalam konteks sastera, kerajaan menganggap penting untuk mewujudkan sastera remaja yang menggalakkan ideologi perpaduan melalui pendidikan berasaskan Rukun Negara, khususnya di kalangan remaja. Sastera remaja, seperti cerpen, menjadi alat yang berkesan untuk menyebarkan semangat perpaduan kepada golongan remaja, terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah menengah, sebagai pembentuk warganegara masa hadapan dalam memastikan kejayaan perpaduan nasional.

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Berdasarkan kajian-kajian lepas seperti Halis Azhan (2014), Nurul Ain Mohd Sokri (2015), Maizatul Akma Aziz dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2019) dapat dirumuskan naskah cerpen remaja milik Nazel Hashim dan Ismail Sarbini sebenarnya masih lagi kurang mendapat tempat dalam perbincangan para sarjana yang menekuni genre sastera remaja. Kedua-dua karya penulis ini kebanyakannya hanya dibincangkan secara sepintas lalu sahaja dan tidak didedahkan secara terperinci terutamanya cerpen. Kajian yang sedia ada kebanyakannya hanya menggunakan sebahagian kecil novel dan cerpen milik Nazel Hashim dan Ismail Sarbini. Antaranya Halis Azhan (2014), muncul dengan kajiannya tentang novel remaja. Kajian tesisnya bertajuk *Dinamika Tema Dalam Novel Remaja di Malaysia* menekankan analisis, huraian dan penjelasan tema-tema dalam novel remaja di Malaysia berdasarkan faktor luaran teks pada dekad penukilannya serta mencari prinsip dinamika tema novel. Dalam kajian beliau juga, novel Nazel Hashim tidak terkecuali dijadikan salah satu sumber. Bukti kajian ini dilihat sebagai salah satu analisis bahawa karya Nazel Hashim pernah dikaji oleh pengkaji lain.

Seterusnya, (Nurul Ain Mohd Sokri 2015) muncul dengan kajiannya yang membincangkan tentang Penciptaan Cerpen Karya Nazel Hashim Mohamad. Kajian ini merupakan kajian tentang penciptaan karya terhadap cerpen umum Pak Nazel. Dapatan kajian membincangkan tentang prinsip koheren iaitu koheren struktur, koheren material, dan juga koheren perwatakan yang setiapnya mendukung antara satu sama lain. Menerusi koheren ia menjadikan penentu kepada logik atau kebenaran yang menjadi penilaian bagi penyerlahan penciptaan yang baik. Selain itu, pengkaji juga menjelaskan bagaimana penulis Pak Nazel bijak menggunakan teknik koheren sehinggakan dapat meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca yang membaca karya beliau.

Selanjutnya, (Maizatul Akma Aziz & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi 2019) muncul dengan kajian yang bertajuk *Patrotisme Peribadi Dalam Novel-Novel Pilihan*. Kajian ini sepenuhnya membincangkan unsur-unsur patrotisme di dalam novel beberapa orang penulis remaja termasuk Ismail Sarbini. Menurutny lagi, dapatan kajian memperlihatkan patriotisme peribadi penting ditanam ke dalam jiwa generasikini dan akan datang bagi mewujudkan sesebuah negara yang harmoni. Semangat patriotisme sangat penting dalam pengisian agenda kemerdekaan dan mempertahankan kedaulatan tanah air.

Akhir sekali, satu kajian bertajuk *Perpaduan dan Perbandingan Cerpen Remaja: Karya Nazel Hashim dan Ismail Sarbini* (Zul Fadli Mohd Kamal 2020) telah diterbitkan. Kajian ini memfokuskan penerapan nilai perpaduan dalam cerpen oleh kedua-dua penulis Malaysia yang juga merupakan guru. Dapatan menunjukan bagaimana Nazel Hashim dan Ismail Sarbini menggunakan tema perpaduan sebagai elemen utama dalam cerpen mereka untuk membentuk nilai, jiwa, dan identiti remaja Malaysia. Selepas rusuhan kaum 13 Mei 1969, mereka menjadikan perpaduan sebagai isu dominan dalam karya mereka, mengutamakan nilai kesepakatan dan keharmonian antara kaum. Kajian ini juga menyoroti penggunaan tema seperti pengembaraan dan penyiasatan, serta hubungannya dengan prinsip Rukun Negara, khususnya Rukun Negara kelima: 'Kesopanan dan Kesusilaan'. Perbezaan dalam pendekatan pengkaryaan mereka dianalisis untuk menunjukkan bagaimana masing-masing menyampaikan mesej perpaduan dan membentuk sahsiah remaja.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneliti unsur-unsur dan tema cerpen remaja oleh Nazel Hashim dan Ismail Sarbini, dengan fokus pada tema kemasyarakatan. Pendekatan ini dipilih kerana ia meneliti unsur-unsur terhadap nilai keberanian yang disampaikan dalam cerpen. Jenis kajian ini adalah analisis teks kualitatif. Pendekatan ini sesuai untuk memahami bagaimana tema kemasyarakatan dibina dalam cerpen, serta perbezaan idea jalan cerita antara karya kedua-dua penulis. Data dikumpulkan melalui kajian perpustakaan di Tun Sri Lanang dan Alam Tamadun Melayu. Bahan yang dikaji termasuk cerpen, tesis dan artikel jurnal. Teknik pengumpulan data melibatkan pemilihan dan analisis dokumen yang relevan dengan tema kajian. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis teks cerpen untuk mengidentifikasi cara penulisan yang berbeza bagi mendedahkan nilai-nilai keberanian untuk pendidikan remaja melalui penulisan cerpen yang bertemakan kemasyarakatan.

## PERANAN SASTERA REMAJA DALAM PEMBENTUKAN PERPADUAN DAN PENDIDIKAN NILAI MURNI DI MALAYSIA: TRANSFORMASI TAHUN 1980-AN HINGGA KINI

Pada tahun 1980-an, Malaysia mengalami perubahan besar di bawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mendorong pembangunan pesat dalam pelbagai bidang, termasuk sastera. Dalam usaha membentuk perpaduan dan kemajuan, pendidikan nilai murni menjadi fokus utama, selaras dengan prinsip Rukun Negara (Mahathir Mohamad 1990). Sastera remaja mula mendapat perhatian sebagai medium penting dalam mendidik generasi muda tentang nilai-nilai perpaduan, integrasi, dan patriotisme.

Pada waktu ini, sastera remaja mengalami evolusi dengan munculnya genre baru seperti sains fiksi, bertepatan dengan Dasar Sains dan Teknologi yang diperkenalkan. Penulis muda memainkan peranan penting dalam menghasilkan karya yang mencerminkan perubahan sosial dan kemajuan teknologi, dengan tema patriotik, sejarah, dan perpaduan menjadi fokus utama. Ini menandai perbezaan yang jelas antara sastera remaja dan sastera kanak-kanak serta menggariskan pembentukan tiga kategori umur dalam sastera: kanak-kanak, remaja, dan dewasa. Penulis muda menghasilkan cerpen yang mencerminkan kehidupan remaja dan menyokong dasar perpaduan negara, memupuk pengiktirafan rasmi "cerpen remaja" oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1984.

Isu utama dalam sastera remaja termasuk definisi umur remaja (12 hingga 20 tahun), yang memerlukan karya dengan nilai moral yang tinggi dan mencerminkan perkembangan psikologi dan emosi remaja. Sastera remaja perlu membina keperibadian dan menyokong perpaduan melalui nilai kemanusiaan, tanggungjawab sosial, dan watak teladan. Selaras dengan usaha ini, perpaduan nasional telah menjadi fokus utama dalam sastera selepas peristiwa 13 Mei 1969. Wan Hashim Wan Teh (1983) mendefinisikan perpaduan nasional sebagai usaha menyatukan masyarakat berbilang kaum dalam satu struktur politik yang inklusif. Aziz Deraman (2015) menambahkan bahawa perpaduan nasional melibatkan rasa kesatuan, harmoni, dan hormat-menghormati. Sastera remaja berfungsi sebagai alat untuk memupuk perpaduan dengan membentuk remaja yang lebih rasional dan menghargai kepelbagaian. Penulis-penulis pada masa itu berusaha memperkukuh hubungan etnik dan integrasi nasional melalui karya mereka, dengan penekanan pada proses

integrasi sebagai cara untuk mencipta identiti nasional dalam masyarakat yang terpisah (Mohd Mahadee Ismail 2021; Mohd Ridhuan Tee Abdullah 2010).

Sastera Melayu sebagai teras sastera kebangsaan, turut memainkan peranan penting dalam memperkenalkan peradaban Melayu dan mengukuhkan perpaduan kebangsaan (Mohd Taib Osman 1973). Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 menegaskan kepentingan sastera dalam memartabatkan peradaban Melayu dengan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, berfungsi sebagai asas untuk sastera kebangsaan. Dalam konteks pendidikan nilai murni, penekanan terhadap nilai seperti keberanian dalam sastera remaja adalah kunci untuk pembangunan negara yang maju (Aini Haji Omar 2015). Penulis cerpen Melayu selepas 13 Mei 1969 memberi tumpuan pada pendidikan nilai murni untuk membentuk semangat keberanian dan keperibadian remaja. Walaupun penekanan ini telah lama wujud dalam sastera kanak-kanak, penting untuk meningkatkan fokus dalam sastera remaja agar dapat menarik minat membaca dan menyokong idealogi kerajaan mengenai perpaduan (Nor Hayati Fatmi Talib 2021).

Dewan Bahasa dan Pustaka memainkan peranan penting dalam penyebaran pengetahuan melalui penulisan, turut menegaskan juga bahawa masyarakat madani memerlukan pendidikan nilai murni untuk mengatasi masalah sosial (Aziz Deraman 2015). Dasar Pelajaran Kebangsaan menyokong pendidikan melalui sastera untuk memajukan penulisan negara, dengan kaedah pengajaran berasaskan teks membantu pelajar memahami perpaduan (Chew Fong Peng & Nurmaizah Majelan 2019). Kesusasteraan Melayu melalui sastera remaja, terus berfungsi untuk menggalakkan perpaduan dan menyokong idealogi kerajaan mengenai perpaduan, dengan fokus pada pembinaan sahsiah remaja dan penyokongan pembangunan negara.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Penulisan kreatif pasca-1969 terutamanya karya Nazel Hashim dan Ismail Sarbini memainkan peranan penting dalam membentuk identiti kebangsaan dan memupuk semangat keberanian dalam kalangan remaja. Selain berfungsi sebagai medium hiburan, karya-karya ini juga dilihat sebagai instrumen utama dalam pendidikan nilai sosial dan moral, terutamanya dalam konteks selepas rusuhan kaum. Dalam suasana politik yang tegang ketika itu, penulis-penulis ini menggunakan cerpen sebagai alat untuk menyampaikan mesej patriotik, kesatuan, dan keharmonian antara kaum. Mereka bijak menggarap naratif yang menyentuh isu-isu sensitif seperti perpecahan kaum, ketidakadilan sosial, dan pentingnya perpaduan demi membina negara yang lebih stabil dan sejahtera.

Mesej-mesej yang dibawa oleh penulis ini sangat relevan dengan keadaan masyarakat yang sedang berusaha memulihkan perpaduan selepas tragedi 13 Mei. Nilai keberanian dalam cerpen mereka bukan sahaja digambarkan sebagai tindak balas terhadap cabaran fizikal, tetapi juga keberanian untuk menyatakan kebenaran, menentang ketidakadilan, dan mengekalkan integriti walaupun berhadapan dengan konflik sosial. Keberanian moral dan intelektual yang diketengahkan oleh kedua-dua penulis juga menekankan pentingnya pendidikan dan kesedaran dalam membentuk generasi yang lebih berani dan berfikiran kritis yang mampu menilai situasi dengan adil serta bertindak untuk kebaikan masyarakat.

Tambahan lagi, penulisan mereka kerap kali menyentuh isu perpaduan nasional, di mana keberanian untuk mengatasi perbezaan budaya dan agama turut menjadi fokus utama. Nazel Hashim dan Ismail Sarbini tidak hanya menyasarkan pembaca Melayu tetapi karya mereka dapat dihayati oleh masyarakat pelbagai kaum sebagai seruan untuk mengekalkan keharmonian dan

keadilan sosial. Ini menjadikan karya mereka relevan dalam konteks membina jati diri kebangsaan dan perpaduan yang lebih kukuh di Malaysia.

#### TEMA KEMASYARAKATAN DAN NILAI KEBERANIAN

Cerpen-cerpen karya Nazel Hashim dan Ismail Sarbini berfungsi sebagai cerminan masyarakat pada era pasca-rusuhan 13 Mei 1969, di mana isu perpaduan dan keharmonian sosial menjadi fokus utama. Tema kemasyarakatan yang diangkat dalam cerpen mereka bukan hanya menonjolkan nilai keberanian, tetapi juga memaparkan realiti kehidupan masyarakat Melayu yang berhadapan dengan cabaran sosial dan budaya. Watak-watak utama dalam cerpen ini sering kali berdepan dengan dilema moral, di mana mereka perlu membuat keputusan yang mencerminkan nilai keberanian dan tanggungjawab sosial. Menurut (Ermis Suryana & Amrina Ika Hasdikurniati & Ayu Alawiya Harmayanti & Kasinyo Hart 2022) keberanian yang ditonjolkan tidak terhad kepada aspek fizikal semata-mata, tetapi juga melibatkan keberanian moral untuk mempertahankan keadilan, melawan diskriminasi, serta memperjuangkan hak-hak komuniti mereka.

Selain itu, nilai keberanian dalam karya mereka turut dilihat sebagai satu bahan untuk mempromosikan perpaduan antara kaum. Dalam konteks Malaysia yang berbilang etnik, keberanian untuk menegakkan prinsip hidup yang adil dan saksama dilihat sebagai elemen penting dalam membina masyarakat yang harmoni. Nazel Hashim dan Ismail Sarbini menekankan bahawa perpaduan hanya boleh dicapai jika setiap individu dalam masyarakat berani untuk mengatasi perbezaan dan mengamalkan toleransi serta hormat-menghormati. Mereka juga menggambarkan bagaimana keberanian memainkan peranan penting dalam memastikan generasi muda tidak melupakan sejarah rusuhan kaum dan sentiasa berusaha untuk menghindari perpecahan yang boleh menggugat kestabilan negara.

Melalui kisah-kisah penuh inspirasi dan pengajaran ini, karya-karya mereka bertindak sebagai medium pendidikan sosial di mana generasi muda diajar untuk melihat keberanian sebagai sebahagian daripada nilai hidup yang penting dalam membina negara yang bersatu padu dan maju. Watak-watak yang berani dalam cerpen mereka berfungsi sebagai teladan bagi remaja untuk menanam sifat keberanian bukan sahaja dalam kehidupan peribadi tetapi juga dalam interaksi sosial demi kebaikan masyarakat keseluruhan.

Selain itu, cerpen-cerpen ini turut menggambarkan bagaimana keberanian boleh wujud dalam pelbagai konteks bukan sahaja dalam menghadapi ancaman luaran, tetapi juga dalam menghadapi cabaran dalaman seperti ketakutan, kelemahan, dan tekanan sosial. Watak-watak dalam karya Nazel Hashim dan Ismail Sarbini sering kali digambarkan berdepan dengan konflik dalaman yang memerlukan mereka menunjukkan keberanian emosi dan mental. Keberanian dalam menghadapi ketidakpastian, rasa tidak yakin, dan tekanan masyarakat menonjolkan kekuatan dalaman watak-watak tersebut. Dalam hal ini, kedua-dua penulis mengajarkan bahawa keberanian bukan sahaja tentang keberanian fizikal atau tindakan nyata, tetapi juga tentang keberanian untuk menghadapi kelemahan diri, berjuang melawan ketidakadilan, dan berdiri teguh dengan prinsip moral walaupun berdepan dengan cabaran peribadi.

Selain aspek individu, cerpen-cerpen ini juga menekankan pentingnya keberanian kolektif dalam masyarakat. Nazel Hashim dan Ismail Sarbini menggambarkan bagaimana keberanian tidak hanya berfungsi pada tahap individu, tetapi juga pada tahap komuniti di mana solidariti dan semangat kerjasama antara anggota masyarakat diperlukan untuk menghadapi cabaran yang lebih besar. Mereka menunjukkan bahawa keberanian yang ditunjukkan oleh individu dalam mempertahankan maruah diri, keluarga, dan masyarakat boleh menjadi pemangkin kepada

perubahan sosial yang lebih luas di mana seluruh masyarakat bersatu untuk menegakkan keadilan dan kesejahteraan bersama. Ini bukan sahaja relevan pada era pasca-13 Mei, tetapi juga dalam konteks moden di mana perpaduan dan kerjasama antara kaum masih menjadi isu penting dalam membina sebuah negara yang stabil dan harmoni.

#### PERBEZAAN GAYA PENYAMPAIAN CERPEN NAZEL HASHIM DAN ISMAIL SARBINI

Perbezaan gaya penyampaian cerpen Nazel Hashim dan Ismail Sarbini memberi gambaran yang menarik tentang bagaimana kedua-dua penulis mengangkat tema yang sama, namun melalui pendekatan yang berbeza. Dalam cerpen-cerpen Nazel Hashim, beliau lebih cenderung menggunakan gaya penceritaan yang langsung dan dramatik. Watak-wataknya sering dihadapkan dengan situasi yang menuntut keberanian fizikal dan moral yang nyata. Contoh dalam karyanya, watak-watak mungkin terlibat dalam pergelutan yang berkaitan dengan perjuangan politik atau mempertahankan diri daripada ancaman, menjadikan nilai keberanian ditonjolkan secara eksplisit dan mudah difahami oleh pembaca.

Sebaliknya, Ismail Sarbini mengambil pendekatan yang lebih introspektif dan halus. Karya-karyanya menumpukan kepada perkembangan psikologi watak di mana konflik dalaman memainkan peranan penting dalam menggambarkan keberanian. Watak-watak Ismail Sarbini sering berhadapan dengan dilema moral atau cabaran peribadi yang lebih dalam, dan keberanian mereka terletak dalam kemampuan untuk menghadapi dan mengatasi konflik dalaman tersebut. Gaya penyampaian ini memerlukan pembaca untuk merenung dan mendalami perasaan serta pemikiran watak-watak dalam karyanya yang secara tidak langsung mengangkat keberanian sebagai aspek mental dan emosi.

Perbezaan umur dan konteks sosial turut memberi kesan kepada pendekatan kedua-dua penulis ini. Nazel Hashim yang sedikit berumur daripada Ismail Sarbini, lebih fokus kepada perjuangan politik dan sosial secara terbuka. Karyanya menggambarkan masa yang penuh ketegangan di mana keberanian fizikal dan moral dalam menghadapi cabaran sosial adalah penting. Sebaliknya, Ismail Sarbini menulis yang masih lagi muda banyak memberi tumpuan kepada perkembangan moral dan peribadi sebagai asas perpaduan. Oleh itu, karya-karya beliau lebih menekankan kepada bagaimana individu dapat membina keberanian dalaman untuk mencapai perpaduan sosial yang lebih baik. Kesimpulannya, perbezaan gaya penyampaian Nazel Hashim dan Ismail Sarbini memberikan dimensi yang lebih kaya dalam memahami keberanian.

Dalam konteks semasa, pendekatan kedua-dua penulis ini masih relevan. Di dunia yang semakin kompleks dan globalisasi yang pesat, karya-karya seperti Nazel Hashim mengingatkan kita tentang pentingnya keberanian dalam menghadapi isu-isu besar seperti ketidakadilan sosial dan perpecahan politik. Sementara itu, pendekatan introspektif Ismail Sarbini terus relevan dalam menangani cabaran peribadi dan moral yang dihadapi masyarakat moden, terutama dalam dunia yang semakin berpecah-belah secara ideologi. Kesimpulannya, perbezaan gaya penyampaian Nazel Hashim dan Ismail Sarbini memberikan perspektif yang luas dan pelbagai dalam memahami keberanian dalam konteks sosial yang berubah-ubah.

#### NILAI KEBERANIAN (NAZEL HASHIM)

Kebelian merupakan satu sifat penting yang harus dimiliki oleh remaja kerana ia menjadi asas kepada perkembangan diri, kedewasaan, dan keyakinan yang sebenar. Tanpa sifat ini remaja mungkin akan menghadapi kesukaran untuk menghadapi cabaran hidup serta sukar membuat keputusan yang berani dan bertanggungjawab. Dalam dunia yang semakin mencabar dan penuh

dengan ketidakpastian, keberanian membantu remaja untuk berdiri teguh dalam mempertahankan prinsip mereka menghadapi tekanan rakan sebaya, serta berani untuk menyuarakan pendapat yang mungkin berbeza daripada norma masyarakat.

Hashim Awang (1988), menjelaskan nilai keberanian ini sepatutnya dipupuk melalui pendedahan kepada kisah-kisah kemasyarakatan dan sejarah. Dalam kisah-kisah ini terkandung banyak contoh teladan tentang keberanian individu dan kumpulan dalam menghadapi cabaran besar sama ada dalam konteks sosial, politik, atau moral. Sebagai contoh, kisah perjuangan pemimpin seperti tokoh-tokoh kemerdekaan negara dan pejuang patriotik boleh memberikan inspirasi kepada remaja untuk mengamalkan semangat keberanian dan cinta kepada negara. Ini bukan sahaja membantu mereka memahami pentingnya mempertahankan maruah bangsa dan negara, tetapi juga mendorong mereka untuk berani menghadapi isu-isu semasa seperti ketidakadilan sosial dan diskriminasi.

Selain itu, menurut Ibrahim Mamat (1997) melalui kisah-kisah kemasyarakatan dan sejarah, remaja dapat memahami bahawa keberanian bukan hanya terhad kepada keberanian fizikal, tetapi juga melibatkan keberanian moral dan emosi. Mereka dapat belajar bagaimana untuk berani membuat keputusan yang sukar, berdiri teguh dalam kejujuran, serta mempertahankan integriti walaupun menghadapi tekanan. Kisah-kisah sejarah sering memperlihatkan bagaimana individu yang berani dalam sejarah berjaya membawa perubahan yang besar kepada masyarakat, justeru menunjukkan bahawa keberanian juga berkait rapat dengan tanggungjawab sosial dan pengorbanan. Dengan mempelajari dan memahami nilai-nilai ini, remaja dapat membina keyakinan diri dan kedewasaan yang sejati seterusnya menjadi generasi yang mampu memimpin dan menghadapi cabaran masa depan dengan penuh keberanian dan integriti.

Oleh hal demikian, untuk melihat bagaimana perbezaan dua penulis ini menyampaikan nilai keberanian, dua buah cerpen dari setiap seorang penulis dipilih sebagai perbincangan artikel ini. Menerusi cerpen Nazel Hashim yang bertajuk 'Peristiwa Di Jambatan' mengisahkan tentang dua orang kanak-kanak yang bernama Syakirin dan Afifi. Mereka adalah rakan baik dan belajar dalam sekolah yang sama. Sewaktu bersiar-siar pada petang hari di kampung mereka, Syakirin dan Afifi dilihat sedang bermain-main di kawasan jambatan kereta api. Ketika itu mereka berdua melihat sesuatu yang mencurigakan kerana ada beberapa orang dewasa mengangkat kotak-kotak menuju ke bawah jambatan. Melihat kejadian itu, mereka berdua memberanikan diri untuk melihat dan menyiasat dengan lebih dekat. Ternyata mereka telah melihat kesemua lelaki dewasa itu sedang memasang dan mengikat bahan letupan di bahagian jambatan tersebut. Tanpa melengahkan masa, mereka berdua bergegas pulang dan memberitahu kejadian tersebut pada ketua kampung. Tidak berapa lama kemudian pihak polis dan tentera tiba di kawasan kejadian dan mendapati ada bahan letupan yang diikat untuk meletupkan jambatan tersebut. Kepantasan anggota keselamatan negara dilihat berjaya mematikan semua bahan letupan tersebut dan selang beberapa hari kemudian kesemua pengganas telah berjaya ditembak mati oleh pasukan polis. Mendengar berita tergepar tersebut, menteri telah mengunjungi kawasan mereka dan mengucapkan terima kasih pada ketua kampung. Ucapan dan pujian itu pula telah diberitahu oleh ketua kampung bahawasanya Syakirin dan Afifi sebenarnya membawa berita tersebut sehingga kampung mereka dan negara berjaya diselamatkan dari ancaman pengganas. Berikut merupakan contoh petikan cerpen tersebut;

...Setelah pakar bom meneliti keadaan sekeliling dengan alat-alatnya, mereka mendekati jambatan. Dengan hati-hati mereka menanggalkan benda yang diikat di bawah jambatan itu. "Apa dia?" tanya Ketua Kampung, sungguh pun dia sudah maklum tentunya bahan peletup. "Apa lagi?" Bom," jawab sarjan. "Nasib baik, kalau tidak nescaya jahanam jambatan, keretapi dan nyawa manusia."... Pada petangnya Kampung Sentosa menjadi pusat perhatian. Sekali lagi kampung itu sibuk dengan kenderaan-kenderaan askar, polis dan kereta-kereta besar. Tidak putus-putus Ketua Kampung ditanya. Dipuji. "Tapi encik, puji-pujian itu sepatutnya diberikan kepada dua orang kanak-kanak ini, Syakirin dan Afifi. Merekalah yang membawa balik berita itu," kata Ketua Kampung kepada Datuk Menteri... Pada keesokkan paginya pula berita yang paling menggembirakan mereka ialah apabila dimaklumkan pengganas-pengganas yang diburu itu telah dapat dikesan. Dua daripada mereka mati ditembak, sementara yang seorang lagi cedera parah dan ditangkap. Sekurang-kurangnya dia dapat disoal untuk mengetahui maklumat lain...

'Peristiwa Di Jambatan' (1981)

Jelas dari petikan di atas, watak Syakirin dan Afifi dapat dibuktikan mempunyai sifat keberanian yang tinggi dalam diri. Sifat beraninya itu menjadikan mereka berdua sebagai insan yang bertanggungjawab dan cintakan negara. Berdasarkan kecerdasan pemikiran watak Syakirin dan Afifi membuktikan mereka matang. Kematangan tersebut amat sesuai untuk dijadikan bahan bacaan para remaja. Selain melihat perwatakan mereka, jalan cerita juga boleh dijadikan satu bukti bahawasanya cerpen tersebut sesuai menjadi tatapan remaja diperingkat menengah rendah. Melihat dari sudut nilai murni pula, penulis cuba membicarakan tentang tanggungjawab dan keberanian seorang remaja seharusnya meluas dan tidak boleh berada dalam kalangan mereka sahaja. Tanggungjawab mereka terhadap masyarakat merupakan satu kepentingan bagi melahirkan semangat patriotik untuk proses pembangunan negara dan membina jati diri (Raeza Bahri 2020).

Cerpen kedua Nazel Hashim pula, yang berjudul bertajuk 'Misteri Di Pelabuhan' mengisahkan tentang sekumpulan penyiasat remaja yang berjaya menyelesaikan kes berkaitan undang-undang dan kesalahan membuat penyeludupan haram. Gambaran penulis menggunakan watak remaja yang berumur sebaya dan pelbagai bangsa merupakan simbol keharmonian yang ingin ditunjukkan. Kisah cerpen ini bermula apabila Balvir yang melihat satu kejadian pelik dalam kawasan pelabuhan. Disebabkan rasa ingin tahu, dia memberitahu kepada rakan-rakannya yang lain iaitu Kang Chung, Rajalingam dan Latip. Mereka berempat berkerjasama untuk menyiasat perkara sebenar. Setelah berusaha mengikuti kesemua orang yang mencurigakan itu, mereka mendapat tahu bahawa satu kes penyeludupan dadah berlaku. Dengan keberanian mereka semua ketika itu, mudah untuk mereka menyelip masuk ke dalam satu gudang untuk melihat sendiri. Sewaktu sibuk memantau pergerakan penjenayah, salah seorang dari mereka iaitu Latip dan Balvir telah ditangkap dan ditawan oleh penjenayah. Dalam keadaan cemas itu telah menjadi satu cabaran untuk mereka berfikir bagaimana cara membantu rakannya itu melepaskan diri. Akhirnya Kang Chung memberi idea supaya melaporkan sahaja pada pihak polis supaya dapat membantu mereka. Setelah melaporkan kejadian tersebut pada polis, kelihatan angkatan polis marin telah muncul di kawasan laut, manakala yang lain telah mengepung kawasan tersebut sehingga menawan kesemua penjenayah itu. Berikut merupakan contoh petikan dialog yang memperlihatkan remaja dari pelbagai kaum sedih berbicara;

... "Yalah, Balvir. Aku nampak berat sangat beg-beg yang mereka jinjit," kata Kang Cun. "boleh jadi itu bekal mereka. Tentu mereka baru pulang bekerja di kapal di pelabuhan." Rajalingam melawan perasaannya. kata Balvir...Rajalingam dan Kang Cun menghela nafas panjang"... "Kita Cuma ada satu jalan saja lagi," terang Kang Cun. "Apa dia?" tanya Rajalingam. "Beritahu polis segera." "Aku tak setuju," bantah Rajalingam. Dia geram melihat kekerasan orang yang menahan teman-temannya.... "Polis!"

'Misteri Di Pelabuhan' (1979)

Menyingkap dua petikan di atas, dapat dijelaskan watak-watak tersebut menunjukkan semua yang terdiri dari pelbagai bangsa mampu duduk di dalam satu pasukan yang sama. Kerjasama dan tolong-menolong yang diutarakan dalam dialog itu jelas memaparkan ciri keharmonian yang diinginkan oleh rakyat Malaysia. Ditambah pula dengan aksi kumpulan mereka berjaya membongkarkan isu penyeludupan dadah bersama-sama telah menambahkan lagi keutuhan perhubungan antara kaum yang memperjuangkan keselamatan negara. Sifat tersebut merupakan satu kesedaran daripada golongan remaja tentang semangat keberanian dan tanggungjawab untuk sama-sama membanteras segala kegiatan haram supaya dapat menanamkan semangat cinta akan negara. Tanggungjawab sesama umur tersebut akan mengundang sifat kemanusiaan muncul dalam kalangan masyarakat setempat untuk tampil bersama-sama menjaga keharmonian (Awang Had Salleh 1980). Tanggungjawab tersebut merupakan satu bentuk kejayaan Nazel Hashim membawa nilai murni keberanian dalam karyanya sehingga mampu membentuk pemikiran remaja mengenai undang-undang dalam negara.

#### NILAI MURNI KEBERANIAN (ISMAIL SARBINI)

Cerpen 'Perjuangan Belum Berakhir' yang ditulis oleh Ismail Sarbini membawa gambaran suasana peperangan yang terjadi antara angkatan tentera Melaka dan Portugis. Melaka telah dikejutkan dengan kehadiran angkatan tentera Portugis di perairan pelabuhan utama. Kehadiran angkatan tentera tersebut telah meriuhkan suasana kota Melaka. Walaupun kehadiran mereka itu tidak diundang, semua pahlawan tidak gentar dan takut pada angkatan tentera itu malah Akil dan Jati sebagai seorang remaja turut bersama-sama melihat kehadiran angkatan tersebut. Mereka berdua adalah remaja yang berumur 14 tahun yang sudah siap sedia untuk menentang pihak penjajah. Akil merupakan anak kelahiran asal Melaka dan Jati pula anak kelahiran Pahang. Mereka telah bersahabat sudah sekian lama dan mereka bersahabat bukan sekadar teman bermain semata-mata. Cara pergaulan mereka boleh digambarkan sama seperti cara pemimpin-pemimpin muda yang gagah berani bersahabat. Keberanian mereka juga dilihat sangat luar biasa sehingga sanggup berkorban nyawa sewaktu peristiwa kedatangan angkatan tentera Portugis. Cara mereka berbicara juga dilihat seolah-olah sudah cukup matang kerana persediaan mental dan rohani cukup memuaskan. Dalam cerpen ini juga, Akil dan Jati juga menyatakan beliau akan turun ke medan perang jika penjajah mula melakukan serangan dan jika dilihat lebih mendalam cerpen ini, penulis bukan sahaja menerangkan tentang konsep keberanian dua pemuda itu, tetapi menekankan sekali nilai jati diri seperti cintakan tanah air dan kebijaksanaan remaja dalam meletakkan diri sebagai pejuang Melayu yang berani. Berikut merupakan contoh petikan cerpen yang menunjukkan perilaku watak;

...Pada suatu hari dalam bulan Julai tahun 1511. Seluruh penduduk bandar Melaka menjadi gempar apabila melihat angkatan perang Portugis berlabuh di perairan Pelabuhan Melaka. Akil dan Jati yang sama-sama berusia 14 tahun turut berada di Pelabuhan Melaka untuk melihat angkatan perang Portugis... Pahlawan Melaka bukan calang-calang pahlawan. Semuanya sanggup mati untuk bumi tercinta!" jelas Akil sambil mengangguk. "Ya, aku setuju dengan cakap kau tu. Orang Melaka memang berani-berani belaka, termasuk kau," ujar Jati lalu tersenyum memandang Akil... "Kalau kali ini berlaku peperangan lagi, nampaknya kau pun terpaksa ikut berperang, Jati," kata Akil. "Aku sanggup!" sahut Jati dengan semangat. "Dulu aku tinggal di Pahang tetapi sekarang sudah berhijrah ke sini. Kata orang, di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung." "Bagus, sahabatku. Kita akan berjuang bersama-sama!" puji Akil sambil menghulurkan tangan lalu dijabat dengan erat oleh Jati...

'Perjuangan Belum Berakhir' (1994)

Sinonim petikan tentang perbualan mereka berdua, pemerian mengenai peristiwa mereka berani berjuang dan sanggup berkorban demi negeri Melaka adalah contoh yang paling jelas untuk mengangkat sifat patriotik (Zainal Abidin 1985). Gambaran mereka bersedia untuk berperang dan kesungguhan dua orang sahabat ini perlu dicontohi oleh remaja-remaja sekarang. Pada seusia itu mereka sudah mampu berfikir secara matang tentang pengorbanan yang perlu dilakukan jika Melaka diserang oleh Portugis. Kematangan mereka dalam hal menjaga kedaulatan negara adalah satu perkara yang perlu ada dalam diri remaja. Jika semangat ini luntur, negara mungkin akan dijajah kembali dan keupayaan untuk mendapatkan rakyat berjiwa patriotik amatlah tipis. Jika ramai masyarakat masih tidak sedar pada semangat tersebut negara tidak akan mampu membangun dengan lebih baik.

Seterusnya cerpen kedua bertajuk 'Pahlawan Muda'. Cerpen ini bermula dengan perjuangan Akil, Mat Lela, Deli, dan Jati dalam mempertahankan tanah air dari Belanda. Mereka berempat berusia 19 tahun dan kesemuanya bukan sahaja bersahabat baik tetapi mempunyai semangat juang yang sama. Akil merupakan watak utama dalam cerpen ini. Sewaktu zaman muda lagi beliau sudah menempuh pelbagai pengalaman perang yang ngeri. Walaupun beliau sudah banyak kali menempuh pengalaman perang, perasaan puas untuk menghalau penjajah masih lagi menebal dalam dirinya. Dalam cerpen ini, Akil mengenang kembali peristiwa yang mana beliau bersama Sultan Ibrahim terpaksa mengundurkan diri kerana tewas dalam peperangan menentang Belanda. Pengunduran itu telah teringat-ingat dalam kepala Akil yang menyebabkan beliau berdendam dengan penjajah. Berikut merupakan contoh petikan yang menjelaskan situasi mengimbas kembali peristiwa yang lepas;

...Belanda mesti dihalau pergi. Itulah ungkapan yang selalu bermain dalam kepalanya. Akil masih ingat lagi, suatu waktu dahulu rombongan Sultan Ibrahim terpaksa meninggalkan Kuala Selangor dan berlindung di Pahang dengan ihsan Bendahara Tun Abdul Majid akibat kalah menentang Belanda...

'Pahlawan Muda' (1994)

Sambungan daripada petikan di atas, watak Akil yang mengenang peristiwa lalu menunjukkan bahawa beliau tidak boleh menerima kekalahan. Kekalahan tersebut telah membangkitkan semangat beliau dan rakan-rakannya untuk menentang penjajah Belanda dengan lebih gigih. Menerusi peristiwa ini, keberanian mereka jelas terpancar, memperlihatkan keinginan kuat untuk berjuang demi negara, yang mencerminkan semangat patriotik yang tinggi. Persahabatan mereka dinilai melalui pengorbanan besar demi negara. Jika remaja seusia mereka dapat saling membantu dan mempunyai semangat yang sama, keharmonian akan lebih mudah terbentuk. Menurut Wan Hashim Wan Teh (1983), keharmonian dapat diwujudkan dalam masyarakat yang mempunyai pemikiran dan ideologi yang sama. Walaupun mereka terdiri daripada bangsa, agama, dan budaya yang berbeza, pemikiran untuk menjaga dan memperjuangkan tanah air bersama-sama perlu disemai dalam diri masyarakat. Jika sifat tersebut tidak dipupuk dengan baik, negara akan menjadi tidak seimbang kerana hanya sesetengah pihak yang sanggup berkorban, sedangkan negara terdiri daripada masyarakat majmuk. Jika bangsa lain tidak memahami konsep ini, mereka mungkin akan melepaskan tanggungjawab, terutama ketika menghadapi situasi darurat.

## KESIMPULAN

Selepas peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969, Malaysia menghadapi cabaran besar dalam memperkukuh perpaduan antara rakyat yang berbilang kaum, agama, dan budaya. Dalam usaha untuk memulihkan keharmonian dan memperkukuh perpaduan, kerajaan Malaysia memperkenalkan Rukun Negara sebagai salah satu langkah utama. Prinsip Rukun Negara bertujuan untuk menyatukan masyarakat Malaysia dan memperkukuh hubungan antara pelbagai kelompok etnik. Bagi memastikan prinsip ini difahami dan diterima oleh semua lapisan masyarakat, terutama generasi muda, pelbagai kaedah pembelajaran telah diperkenalkan. Salah satu pendekatan penting ialah melalui penulisan karya kreatif seperti cerpen. Penulis cerpen remaja termasuk Nazel Hashim dan Ismail Sarbini, memainkan peranan penting dalam mempromosikan nilai-nilai perpaduan dan kemasyarakatan melalui karya mereka. Mereka menggunakan cerpen sebagai medium untuk mengangkat tema kemasyarakatan dan nilai keberanian dengan menonjolkan isu-isu sosial dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Melayu dalam mempertahankan martabat diri dan bangsa. Kajian ini telah menjelaskan bagaimana tema-tema kemasyarakatan yang terdapat dalam cerpen-cerpen karya penulis tersebut berfungsi untuk panduan remaja. Selain itu, kajian ini juga turut menilai cara-cara penyampaian nilai keberanian yang diketengahkan dalam cerpen kepada pembaca remaja. Fokus ini bertujuan untuk memahami bagaimana cerpen dapat berfungsi sebagai bahan pendidikan dan penyebaran nilai-nilai positif dalam konteks pasca-rusuhan, serta peranan penulis dalam mempengaruhi pandangan dan sikap generasi muda terhadap perpaduan dan keharmonian sosial. Akhir sekali, beberapa cadangan kajian sasaran pada masa akan datang yang boleh dilakukan sekiranya ada pengkaji ingin melanjutkan kajian ini lebih mendalam. Pertama, keberkesanan cerpen sebagai alat pendidikan nilai perpaduan. Kajian ini boleh menilai sejauh mana cerpen berjaya dalam menyampaikan nilai perpaduan dan keberanian kepada remaja, dan sama ada medium lain (seperti filem, media sosial, atau podcast) lebih efektif dalam era moden. Kedua, pengaruh penulis terhadap pemikiran dan sikap generasi muda terhadap isu sosial. Kajian ini mampu melihat peranan penulis dalam membentuk sikap dan pemikiran generasi muda terhadap isu-isu perpaduan dan kemasyarakatan, serta bagaimana pandangan mereka berkembang dari masa ke masa.

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan di atas kerjasama penulisan artikel ini melibatkan penulis dari Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU, FSSK, UKM). Penghargaan juga ditujukan kepada pihak AKADEMIKA di atas penerbitan artikel jurnal ini.

## RUJUKAN

- Aini Haji Omar. 2015. Nilai Murni Dalam Sastera Remaja Memupuk Kecintaan Terhadap Negara. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*. 3:128-152.
- Awang Had Salleh. 1980. *Pendidikan Ke Arah Perpaduan Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti.
- Aziz Deraman. 2015. *Minda Dunia Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chew Fong Peng & Nurmaizah Majelan. 2019. Pelaksanaan Pendidikan Perpaduan Menerusi

- Ermis Suryana, Amrina Ika Hasdikurniati, Ayu Alawiya Harmayanti & Kasinyo Hart. 2022. Perkembangan Remaja Awal, Menengah dan Implikasinya Terhadap Pendidikan. *Jurnal Ilmiah Mandala Education (JIME)*, 8(3): 1-12.
- Halis Azhan. 2014. *Dinamika Tema Dalam Novel Remaja Di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Haris Md. Jadi.1990. *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. 1988. Penciptaan dan Kemanusiaan dalam Cerpen dan Novel. Shah Alam. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ibrahim Mamat. 1997. *Memimpin Remaja Sekolah Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman.
- Language, Education and Literature*, 10: 75-90.
- Mahathir Mohamad. 1990. *A New Deal For Asia*. Kuala Lumpur. Pelanduk Publication.
- Maizatul Akma Aziz, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. 2019. Patrotisme Peribadi Dalam Novel-Novel Pilihan. *JMS*, Vol 2, Issue 1: 63-92.
- Mohamad Redzuan Othman. 2018. *Sejarah Pembinaan Negara Bangsa*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Mohamed Mustafa Ishak. 2014. *Politik Bangsa Malaysia Pembinaan Bangsa Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik*. Kuala Lumpur. Institusi Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mohd Mahadee Ismail, Nor Azlili Hassan, Azlina Abdullah, Zaini Othman, Marzudi Md Yunus & Hairol Anuar Mak Di. 2021. Pembentukan Etos Nasional Belia Malaysia: Wadah Pembinaan Negara-Bangsa. *Akademika*, 91(1): 3-14.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2010. Cabaran Integrasi Antara Kaum: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan. *Jurnal Hadhri*, 3: 61-84
- Mohd Taib Osman. 1973. "Konsep Kesusasteraan Malaysia Peranan Kesusasteraan dalam Negara yang Sedang Membangun". Dlm. *Asas Kebudayaan Kebangsaan*. Mohd Affandi Hasan. Kuala Lumpur. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Nor Hayati Fatmi Talib, Hasani Ghazali & Nor Wahida Dzalihu' zzabir. 2021. Perpaduan dan Patriotism Dalam Kalangan Pelajar Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 5(2): 24-35.
- Nur Ayuni Nusaibah Husin & Amir Hasan Dawi. 2019. Peranan Sekolah Dalam Pembentukan Antara Kaum Dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 12: 18-28.
- Nurul Ain Mohd Sokri. 2015. Penciptaan Karya Nazel Hashim Mohd Dalam Nostalgia Andalusia: Satu Wacana. Tesis Sarjana Pusat Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Raeza Bahri. 2020. *Pendidikan Tauhid dalam Kitab Jawahirul Kalamiyah karya Syekh Thahir bin Saleh Al-Jazairi*. Master Dissertation. Jawa Tengah: IAIN Salatiga
- Sahlan Mohd. 1989. *Pembinaan Sastera Remaja*. Dewan Sastera. September: 3-5.
- Siti Ma'Rifatul Khasanah & Mamnuah. 2021. Tingkat Stres Berhubungan Dengan Pencapaian Tugas Perkembangan Pada Remaja. *Jurnal Ilmu Keperawatan Jiwa*, 4(1): 107-116.
- Teks KOMSAS dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua. *PENDETA Journal of Malay*
- Wan Hashim Wan Teh. 1983. *Race Relation In Malaysia*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books Asia.

- Wong Shia Ho.2019. Penggunaan “Teknik Jalinan Cerita” Untuk Meningkatkan Penguasaan dan Ingatan Pelajar Terhadap Kata Majmuk Bentuk Mantap. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*,10: 106-120.
- Zainal Abidin. 1985. *Peranan Sejarah Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Untuk Menanamkan Semangat Cintakan Negara*. Kuala Lumpur. Gabungan Pelajar-Pelajar Semenanjung.
- Zul Fadli Mohd Kamal. 2020. Perpaduan dan Perbandingan Cerpen Remaja: Karya Nazel Hashim dan Ismail Sarbini. *Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara*, 2019, ms 579-594.

Zul Fadli Mohd Kamal (Penulis koresponden)  
Pusat Kajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Emel: [aliibnukamal91@gmail.com](mailto:aliibnukamal91@gmail.com)

Muammar Ghaddafi Hanafiah  
Pusat Kajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Emel: [muammar@ukm.edu.my](mailto:muammar@ukm.edu.my)